

No. Rujukan : UMK.B03.00.100-1/3/3 JLD 2 (4)



SURAT PEKELILING BENDAHARI
BILANGAN 2 TAHUN 2021

PERATURAN MENGENAI KADAR-KADAR DAN
SYARAT-SYARAT BAYARAN SAGUHATI
PENCERAMAH DAN FASILITATOR SAMBILAN

Pejabat Bendahari

26 Februari 2021

Disalinkan kepada :

Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

Ketua PTJ/Dekan/Pengarah

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

No. Rujukan : UMK.B03.00.100-1/3/3 JLD 2 (4)

25 Februari 2021

SURAT PEKELILING BENDAHARI BIL. 2 TAHUN 2021 **PERATURAN MENGENAI KADAR BAYARAN SAGUHATI** **PENCERAMAH DAN FASILITATOR SAMBILAN**

1. TUJUAN

- 1.1 Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada staf berkenaan Peraturan Mengenai Kadar-Kadar Dan Syarat-Syarat Bayaran Saguhati Penceramah dan Fasilitator Sambilan yang memberi khidmat ceramah dalam program atau majlis rasmi yang dianjurkan oleh Universiti Malaysia Kelantan (UMK).

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Kertas kerja bagi cadangan Peraturan Mengenai Kadar-Kadar Dan Syarat-Syarat Bayaran Saguhati Penceramah dan Fasilitator Sambilan telah diperakukan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Bilangan 10 Tahun 2020 yang telah bersidang pada 21 Oktober 2020 dan Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan Universiti (JTK) Bilangan 4 Tahun 2020 pada 14 Disember 2020 dan diluluskan di dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bilangan 1 Tahun 2021 (Kali Ke-57) yang bersidang 22 Februari 2021.

3. PERATURAN MENGENAI KADAR-KADAR DAN SYARAT-SYARAT BAYARAN SAGUHATI PENCERAMAH DAN FASILITATOR SAMBILAN

- 3.1 Peraturan Mengenai Kadar-Kadar Dan Syarat-Syarat Bayaran Saguhati Penceramah Dan Fasilitator Sambilan ini merangkumi **empat (4)** kategori, iaitu:
- 3.1.1 Penceramah/ Fasilitator Daripada Kalangan Pegawai Kerajaan/ Penjawat Awam.
 - 3.1.2 Penceramah/ Fasilitator Daripada Kalangan Bukan Penjawat Awam/ Pegawai Swasta.
 - 3.1.3 Penceramah/ Fasilitator Daripada Kalangan Pesara.
 - 3.1.4 Penceramah Daripada Kalangan Tokoh Masyarakat, Individu Ternama, Penceramah Bebas, Dan Penceramah Profesional.
- 3.2 Perincian bagi perkara ini dijelaskan dalam Tatacara Mengenai Kadar-Kadar Dan Syarat-Syarat Bayaran Saguhati Penceramah dan Fasilitator Sambilan sepertimana di **Lampiran A**.


4 PEMAKAIAN

- 4.1 Surat pekeliling ini adalah berkuat kuasa mulai dari tarikh ianya dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

"RAJA BERDAULAT, RAKYAT MUAFAKAT, NEGERI BERKAT"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



JUNAIDAH BINTI BADAR

Bendahari

b.p: Naib Canselor

TATACARA MENGENAI KADAR-KADAR DAN SYARAT-SYARAT BAYARAN SAGUHATI PENCERAMAH DAN FASILITATOR SAMBILAN

KANDUNGAN

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
1.	Tujuan	1
2.	Punca Kuasa	1
3.	Takrifan	2
4.	Peraturan Mengenai Kadar-Kadar dan Syarat-Syarat Bayaran Saguhati Penceramah dan Fasilitator Sambilan	2
	4.1 Penceramah/ Fasilitator Daripada Kalangan Pegawai Kerajaan/ Penjawat Awam	2-4
	4.2 Penceramah/ Fasilitator Daripada Kalangan Bukan Penjawat Awam/ Pegawai Swasta	4-7
	4.3 Penceramah / Fasilitator Daripada Kalangan Pesara	7-8
	4.4 Penceramah Daripada Kalangan Tokoh Masyarakat, Individu Ternama, Penceramah Bebas, Dan Penceramah Profesional	8-10
5.	Dokumentasi Permohonan Bayaran	10-11
6.	Pemakaian dan pematuhan	11
7.	Lampiran I - Carta Alir	i
8.	Lampiran II - Borang Permohonan Bayaran Saguhati	ii

TATACARA MENGENAI KADAR-KADAR DAN SYARAT-SYARAT BAYARAN SAGUHATI PENCERAMAH DAN FASILITATOR SAMBILAN

1.0 TUJUAN

- 1.1 Tatacara ini bertujuan untuk menerangkan peraturan mengenai Kadar-Kadar Dan Syarat-Syarat Bayaran Saguhati Penceramah dan Fasilitator Sambilan yang memberi khidmat ceramah dalam program atau majlis rasmi yang dianjurkan oleh Universiti Malaysia Kelantan (UMK).

2.0 PUNCA KUASA

- 2.1 Arahan Perbendaharaan (AP) 185.2 menetapkan bahawa perkhidmatan pengendalian kursus dan latihan adalah perkhidmatan bukan perunding. Oleh itu, perolehan bagi perkhidmatan pengendalian kursus dan latihan hendaklah dilakukan mengikut Arahan Perbendaharaan (AP) 190 iaitu secara pembelian terus/ sebutharga/ tender mengikut nilai perolehan yang berkenaan. Bayaran kepada penceramah atau syarikat yang mengendalikan kursus/ latihan/ seminar/ bengkel tidak boleh menggunakan kadar bayaran perunding kerana khidmat yang diberi tidak melibatkan kerja-kerja perunding yang sebenar.
- 2.2 Pekeliling Perbendaharaan PK 2.1, Perenggan 16, Ketua Jabatan hendaklah mengutamakan kepakaran sedia ada di kalangan anggota perkhidmatan awam/ agensi kerajaan dan institusi yang diiktiraf oleh kerajaan yang mempunyai kepakaran khusus untuk memberi syarahan/ ceramah atau mengendalikan kursus/ latihan yang diperlukan. Sekiranya terdapat keperluan untuk melantik penceramah daripada kalangan pegawai bukan penjawat awam, permohonan adalah di bawah kelulusan Ketua Jabatan masing - masing berdasarkan kadar yang telah ditetapkan.

3.0 TAKRIFAN

- 3.1 **“Penceramah Sambilan”** adalah bermaksud pegawai yang dilantik untuk memberikan syarahan atau ceramah secara sambilan dalam majlis rasmi/ program/ kursus anjuran Universiti sama ada dalam atau luar Kampus Universiti.
- 3.2 **“Fasilitator Sambilan”** adalah pegawai yang dilantik sebagai fasilitator secara sambilan untuk membantu atau memudahcara suatu ceramah/ program/ aktiviti yang dianjurkan oleh Universiti.
- 3.3 **“Program/Aktiviti”** merujuk kepada majlis rasmi yang dianjurkan oleh Universiti seperti bengkel, kursus, latihan, taklimat, mesyuarat, seminar yang diadakan dalam atau luar Kampus Universiti.

4.0 PERATURAN MENGENAI KADAR BAYARAN SAGUHATI PENCERAMAH DAN FASILITATOR SAMBILAN

4.1 Penceramah/ Fasilitator Daripada Kalangan Pegawai Kerajaan/ Penjawat Awam

4.1.1 Definisi

- a) Semua penjawat awam berstatus tetap, kontrak, sementara, sambilan dan sangkut daripada semua agensi kerajaan sama ada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, Badan Berkanun Persekutuan dan Negeri, yang dijemput untuk memberi syarahan/ ceramah sambilan atau menjadi fasilitator sambilan bagi sesuatu majlis rasmi yang dianjurkan oleh Universiti adalah

layak dibayar saguhati sepertimana mana kadar yang ditetapkan.

4.1.2 Kadar

- a) Kadar bayaran saguhati penceramah dan fasilitator yang dilantik daripada kalangan penjawat awam mengikut kumpulan perkhidmatan adalah seperti berikut:

KUMPULAN PERKHIDMATAN (GRED JAWATAN)	KADAR BAYARAN SAGUHATI PENCERAMAH SAMBILAN	KADAR BAYARAN SAGUHATI FASILITATOR SAMBILAN	HAD MAKSIMUM SEBULAN
Pengurusan Tertinggi	RM300.00/jam	RM100.00/jam	Tidak melebihi ½ daripada gaji pokok bulanan pegawai
Pengurusan & Profesional Gred 53 & 54	RM200.00/jam	RM100.00/jam	
Pengurusan & Profesional Gred 45-52	RM150.00/jam	RM90.00/jam	
Pengurusan & Profesional Gred 41-44	RM120.00/jam	RM80.00/jam	
Kumpulan Sokongan	RM80.00/jam	RM60.00/jam	

4.1.3 Syarat – Syarat Bayaran

- Mempunyai peruntukan kewangan yang mencukupi.
- Pegawai yang dilantik sebagai penceramah atau fasilitator hendaklah mendapatkan kelulusan daripada Ketua Jabatan.
- Memberi syarahan/ ceramah atau menjadi fasilitator sambilan bukan sebahagian daripada tugas rasmi pegawai tersebut.
- Pegawai yang dilantik sebagai penceramah/ fasilitator oleh Pusat Tanggungjawab (PTj) lain untuk memberi khidmat ceramah atau menjadi fasilitator layak dibayar saguhati.

- e) Urusetia yang memberi ceramah atau menjadi fasilitator dalam program yang dianjurkanya tidak layak dibayar saguhati.
- f) Bayaran saguhati boleh diberi mengikut kadar setengah jam bagi setiap jam yang genap sekiranya waktu ceramah yang ditetapkan melebihi satu jam.
- g) Penceramah/ fasilitator sambilan yang diberikan cenderamata adalah tidak layak dibayar saguhati.
- h) Kadar bayaran saguhati maksimum adalah berdasarkan kadar yang telah ditetapkan. Namun, Pusat Tanggungjawab dibolehkan untuk membayar pada amaun kurang dari kadar yang ditetapkan.
- i) Bagi penceramah tertentu yang mempunyai pengalaman atau kepakaran khusus sama ada dari dalam atau luar negara, bayaran ex-gratia tambahan tidak melebihi 20% daripada kadar di atas boleh diluluskan oleh jawatankuasa/ panel yang bertanggungjawab ke atas hal-hal latihan agensi.

4.2 Penceramah/ Fasilitator Daripada Kalangan Bukan Penjawat Awam/ Pegawai Swasta

4.2.1 Definisi

- a) Semua Pegawai/ staf/ individu yang menjawat sesuatu jawatan di sebuah organisasi/ syarikat bukan kerajaan yang dilantik sebagai penceramah dalam suatu majlis rasmi yang dianjurkan oleh Universiti. Penceramah swasta yang dilantik adalah berpengalaman dan mahir dalam bidang-bidang tertentu untuk berkongsi maklumat dalam bidang kepakaran tertentu.

4.2.2 Kadar

- a) Kadar bayaran suguhati penceramah kepada pegawai bukan penjawat awam/ pegawai swasta boleh dibayar berdasarkan kelayakan akademik seperti berikut:

KADAR UNTUK BUKAN PENJAWAT AWAM		
Kelayakan Akademik	Kadar Bayaran Suguhati bagi Penceramah	
Doktor Falsafah	RM400.00 Sejam	**Sertakan Salinan Sijil Akademik yang disahkan
Sarjana	RM300.00 Sejam	
Sarjana Muda	RM200.00 Sejam	
Diploma / Sijil	RM100.00 Sejam	

- b) Selain itu, Pegawai Swasta yang berjawatan setara dengan gred penjawat awam boleh merujuk kepada penceramah/ fasilitator yang dilantik daripada kalangan staf di sebuah syarikat swasta yang menyandang sesuatu jawatan di syarikat tersebut akan tetapi tidak memiliki kelayakan akademik yang setara dengan jawatan yang disandang. Contohnya, staf syarikat swasta yang berjawatan **Ketua Pegawai Eksekutif** yang hanya memiliki kelayakan akademik diperingkat **Sijil atau Diploma**. Kadar bayaran suguhati penceramah atau fasilitator kepada pegawai ini boleh dibayar berdasarkan gred jawatan yang setara dengan perkhidmatan pegawai kerajaan seperti berikut:

KESETARAAN KUMPULAN PERKHIDMATAN (GRED JAWATAN)	KADAR BAYARAN SAGUHATI PENCERAMAH SAMBILAN	KADAR BAYARAN SAGUHATI FASILITATOR SAMBILAN	HAD MAKSIMUM SEBULAN
Pengurusan Tertinggi	RM300.00/jam	RM100.00/jam	Tidak melebihi 1/2 daripada gaji pokok bulanan pegawai
Pengurusan & Profesional Gred 53 & 54	RM200.00/jam	RM100.00/jam	
Pengurusan & Profesional Gred 45-52	RM150.00/jam	RM90.00/jam	
Pengurusan & Profesional Gred 41-44	RM120.00/jam	RM80.00/jam	
Kumpulan Sokongan	RM80.00/jam	RM60.00/jam	

4.2.3 Syarat-Syarat Bayaran

- a) Mempunyai peruntukan kewangan yang mencukupi.
- b) Tanggungjawab PTj dalam menentukan gred kesetaraan bagi pegawai bukan penjawat awam dengan gred perkhidmatan penjawat awam dan bergantung kepada kesesuaian kadar yang perlu dibayar kepada penceramah atau fasilitator yang dilantik.
- c) Memberi keutamaan kepada kepakaran yang sedia ada di kalangan anggota perkhidmatan awam/ agensi kerajaan dan institusi yang diiktiraf oleh kerajaan.
- d) Kadar bayaran saguhati maksimum adalah berdasarkan kadar yang telah ditetapkan. Namun, Pusat Tanggungjawab (PTj) dibolehkan untuk membayar pada amaun kurang daripada kadar yang ditetapkan.
- e) Sekiranya penganjur ingin melantik penceramah daripada kalangan penjawat awam yang mempunyai kelayakan akademik setanding dengan kepakaran bidang ceramah, penganjur dibolehkan menggunakan kadar kelayakan akademik dan bergantung kepada kelulusan pihak berkuasa melulus.

- f) Bagi penceramah tertentu yang mempunyai pengalaman atau kepakaran khusus sama ada dari dalam atau luar negara, bayaran ex-gratia tambahan tidak melebihi 20% daripada kadar di atas boleh diluluskan oleh jawatankuasa/panel yang bertanggungjawab ke atas hal-hal latihan agensi.

4.3 Penceramah / Fasilitator Daripada Kalangan Pesara

4.3.1 Definisi

- a) Pegawai yang telah bersara sama ada bersara dari agensi kerajaan atau swasta yang dilantik sebagai penceramah untuk memberi khidmat ceramah dalam majlis/ program yang dianjurkan oleh Universiti. Pegawai ini dikategorikan sebagai pegawai bukan kerajaan dan boleh dibayar saguhati penceramah berdasarkan kadar kelayakan akademik.

4.3.2 Kadar

- a) Kadar bayaran saguhati penceramah bagi pesara adalah berdasarkan kelayakan akademik seperti berikut:

KADAR UNTUK BUKAN PENJAWAT AWAM		
Kelayakan Akademik	Kadar Bayaran Saguhati bagi Penceramah	
Doktor Falsafah	RM400.00 Sejam	**Sertakan Salinan Sijil Akademik yang disahkan
Sarjana	RM300.00 Sejam	
Sarjana Muda	RM200.00 Sejam	
Diploma / Sijil	RM100.00 Sejam	

4.3.3 Syarat – syarat Bayaran

- a) Mempunyai peruntukan kewangan yang mencukupi.
- b) Memberi keutamaan kepada kepakaran yang sedia ada di kalangan anggota perkhidmatan awam/ agensi kerajaan dan institusi yang diiktiraf oleh kerajaan.
- c) Kadar bayaran saguhati maksimum adalah berdasarkan kadar yang telah ditetapkan. Namun, Pusat Tanggungjawab dibolehkan untuk membayar pada amaun kurang dari kadar yang ditetapkan.
- d) Bagi penceramah tertentu yang mempunyai pengalaman atau kepakaran khusus sama ada dari dalam atau luar negara, bayaran ex-gratia tambahan tidak melebihi 20% daripada kadar di atas boleh diluluskan oleh jawatankuasa/panel yang bertanggungjawab ke atas hal-hal latihan agensi.

4.4 Penceramah Daripada Kalangan Tokoh Masyarakat, Individu Ternama, Penceramah Bebas, Dan Penceramah Profesional

4.4.1 Definisi

- a) Penceramah atau Individu yang mempunyai kebolehan, pengalaman, kepakaran dan bakat tertentu sama ada dari dalam atau luar negara dilantik untuk memberi khidmat ceramah atau persembahan dalam majlis/ program yang dianjurkan oleh Universiti. Antaranya adalah tokoh masyarakat, individu ternama, penceramah bebas, dan penceramah professional.

- b) Tokoh masyarakat, individu ternama, penceramah bebas, dan penceramah professional adalah individu sama ada yang sedang atau pernah berkhidmat dengan agensi kerajaan, swasta atau individu persendirian yang mempunyai kebolehan atau kepakaran tertentu yang telah diiktiraf oleh badan – badan tertentu.

4.4.2 Kadar

- a. Kadar ditetapkan berdasarkan caj semasa yang dikenakan oleh penceramah tersebut yang merangkumi beberapa jenis caj seperti bayaran honorarium, elaun harian, kos pengangkutan, kos penginapan dan lain-lain kos yang berkaitan dan munasabah.
- b. Contoh : **PROFESOR DARI CAMBRIDGE** seorang penceramah profesional dari luar negara telah dijemput untuk memberi ceramah selama 2 Jam di dalam majlis konvensyen rasmi anjuran Universiti. Caj bayaran yang telah ditetapkan oleh syarikat pengurusan beliau adalah seperti berikut:

BIL	PERKARA	CAJ (RM)	KUANTITI/ JAM/HARI	JUMLAH (RM)
1.	Bayaran Honorarium	3,000.00/jam	2 Jam	6,000.00
2.	Elaun harian	300.00	<i>Lump Sum</i>	300.00
3.	Kos Pengangkutan	2,000.00	<i>Lump Sum</i>	2,000.00
4.	Kos Penginapan	500.00/Malam	1 Malam	500.00
	JUMLAH CAJ BAYARAN			8,800.00

- c. Caj bayaran yang perlu dibayar oleh Universiti adalah berjumlah RM8,800.00. Namun, penganjur digalakkan untuk berunding bagi mendapatkan kadar caj bayaran yang paling menguntungkan universiti.

4.4.3 **Syarat – Syarat Bayaran**

- a) Mempunyai peruntukan kewangan yang mencukupi.
- b) Kadar yang ditetapkan mesti diluluskan dalam kertas kerja cadangan program tersebut.
- c) Sekiranya terdapat perubahan pada kadar yang telah diluluskan dalam kertas kerja, cadangan kadar yang baharu perlu mendapatkan kelulusan baharu oleh Ketua PTj/ Pegawai yang diberi kuasa.
- d) Kadar yang dikenakan mesti mendapat kelulusan jawatankuasa perolehan bergantung kepada jumlah nilai perolehan tersebut.
- e) Kadar yang dikenakan mesti berpatutan dan bersesuaian dengan kepakaran atau kebolehan penceramah tersebut.
- f) Pusat Tanggungjawab (PTj) digalakkan membuat rundingan berkenaan caj yang dikenakan agar kos bayaran saguhati adalah berpatutan dan menguntungkan universiti.

5.0 **DOKUMENTASI PERMOHONAN BAYARAN**

- 5.1 Permohonan bayaran saguhati penceramah atau fasilitator boleh dibuat dengan melengkapkan dokumen-dokumen sokongan berikut:


- 5.1.1 Borang permohonan bayaran saguhati penceramah dan fasilitator
(**Lampiran II**)
- 5.1.2 Surat jemputan/ lantikan penceramah/ fasilitator
- 5.1.3 Kertas kerja program/ Punca kuasa pelaksanaan program
- 5.1.4 Borang maklumat akaun bank (EFT)
- 5.1.5 Salinan kad pengenalan penceramah/ fasilitator
- 5.1.6 Salinan penyata nombor akaun penceramah/ fasilitator
- 5.1.7 Salinan sijil akademik penceramah (jika berkaitan)
- 5.1.8 Lain – lain dokumen yang berkaitan

6.0 PEMAKAIAN DAN PEMATUHAN

- 6.1 Peraturan ini terpakai kepada semua kumpulan wang mengurus, amanah dan penyelidikan.
- 6.2 Penggunaan kadar selain dari kadar yang telah ditetapkan perlu mendapat kelulusan pihak berkuasa melulus.
- 6.3 Pemilihan terhadap semua jenis kadar bayaran saguhati adalah di bawah tanggungjawab PTj.
- 6.4 Peraturan ini perlu dibaca bersama peraturan dan prosedur kewangan yang berkuatkuasa dari masa ke semasa.
- 6.5 Peraturan ini membatalkan Pekeliling Bendahari Bilangan 3 tahun 2009.
- 6.6 Carta alir bagi permohonan bayaran saguhati penceramah/ fasilitator seperti di **Lampiran I**.

LAMPIRAN I

CARTA ALIR BAYARAN SAGUHATI PENCERAMAH/FASILITATOR KEPADA PEGAWAI BUKAN KERAJAAN





**Borang Tuntutan Tetamu Universiti Yang Bertugas Sebagai Penceramah/Fasilitator/
Menghadiri Mesyuarat Anjuran Universiti**

BAHAGIAN A : (Diisi oleh Tetamu Universiti)	
Nama (Name)	: _____
No K/Pengenalan (Identity Number)	: _____
Jawatan (Position Held)	: _____
Gred Jawatan (Grade)	: _____
Alamat Pejabat (Contact Address)	: _____
No. Telefon (Contact No.)	: (Pej) : _____ (H/P) : _____ (Office) _____ (Mobile) _____
Saya mengaku bahawa segala keterangan yang diberikan di atas adalah betul dan telah menyempurnakan tugas seperti yang ditetapkan pada (I declare that the stated information is correct and I have completed the given tasks on) _____	
Tarikh (Date)	: _____ Tandatangan (Signature) : _____
BAHAGIAN B : Pengesahan Kehadiran dan Jumlah Bayaran Dicadangkan (Diisi oleh Pegawai Bertugas)	
Saya mengesahkan bahawa penama seperti di atas telah pun * menjalankan tugas sebagai penceramah / fasilitator dalam Program Rasmi Universiti /menghadiri mesyuarat anjuran Universiti dan layak untuk menerima bayaran. Jumlah bayaran yang dicadangkan ialah RM (RM..... X jam) .	
Rujukan : Pekeliling Perbendaharaan / Bendahari :	
(Sila lampirkan surat jemputan , tentatif program dan lain-lain dokumen yang berkaitan)	
Tarikh	: _____ Tandatangan : _____
	Nama dan Cop Rasmi : _____ (Jawatan)
* Potong yang tidak berkenaan	
BAHAGIAN C : Kelulusan Bayaran oleh Pegawai Pengawal	
Nama Program/Mesyuarat	: _____
Masa dan Tarikh Program/Mesyuarat	: _____
Keputusan	: Tidak Diluluskan / Diluluskan
Jumlah Bayaran Diluluskan	: RM.....
Catatan	: _____ Tandatangan : _____
(jika perlu)	Nama dan Cop Rasmi : _____ (Jawatan)
	Tarikh : _____